

Mohon hujan turun di tasik, empangan selain keselamatan serta keamanan negeri

Sultan titah dirikan solat hajat

JOHOR BAHRU – Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menitahkan seluruh masjid di negeri ini mendirikan solat hajat setiap kali selepas solat Jumaat yang antara lain memohon hujan turun di kawasan tasik dan empangan.

Sultan Ibrahim dalam satu kenyataan di sini semalam yang diedarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) bertitah, tujuan solat hajat itu diadakan adalah untuk mendoakan keselamatan, kesejahteraan, keamanan serta kemakmuran negeri dan negara.

“Ia juga bagi menghindari masalah yang dihadapi negara dalam



KERATAN *Kosmo!* 25 Ogos 2015.

pelbagai ujian dan cabaran agar dapat ditangani segera.

“Selain itu, solat hajat tersebut untuk memohon hujan di tasik-tasik dan empangan sebagai limpah kurnia dan rahmat

ke atas negeri Johor serta Malaysia amnya,” titahnya. Menurut kenyataan



SULTAN IBRAHIM

115,000 pemilik akaun di kawasan Pasir Gudang, Masai dan Johor Bahru

JAINJ, titah Sultan Ibrahim hendaklah dilaksanakan serta-merta selama tiga bulan berkuat kuasa hari ini.

Kosmo! pada 25 Ogos lalu melaporkan catuan air bagi sejumlah



KEADAAN air di Empangan Sungai Layang. Masai yang berada di bawah paras normal menyebabkan catuan air terpaksa dilaksanakan sejak 16 Ogos lalu. – Gambar hiasan

akan dilanjutkan sehingga paras air di Empangan Sungai Layang, Masai naik

kepada bacaan 23.5 meter. Ketika ini, paras air di empangan itu menca-

tatkan bacaan 19.1 meter berbanding paras normal 26.6 meter.